

Kemengajaan Abdullah Munsyi Sebagai Tokoh Bahasa, Sasterawan Dan Kewartawanan

The Emergence Of Abdullah Munsyi As A Language, Literature And Journalism Figure

Roslan Chin ¹
roslan.chin@usm.my

Mohd Faiz Hilmi ²
faiz@usm.my

^{1,2} School of Distance Education,
Universiti Sains Malaysia, Malaysia.

Received: 03 September 2022, Published:07 December 2022

Cite this article (APA) as:

Chin, Roslan, & Hilmi, M. F. (2022). Kemengajaan Abdullah Munsyi Sebagai Tokoh Bahasa, Sasterawan Dan Kewartawanan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(2), 44 - 53.
Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/167>

ABSTRAK

Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kemengajaan Abdullah Munsyi sebagai tokoh dalam bahasa, sasterawan dan kewartawanan. Analisis tentang faktor-faktor kemengajaan Abdullah Munsyi sebagai tokoh dalam bahasa, sasterawan dan kewartawanan adalah dengan menggunakan Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura, dan Model Strategi Pembelajaran Bahasa oleh Oxford. Penulisan ini menemukan tema menuntut ilmu melalui peranan bapanya iaitu Abdul Kadir dan pengaruh persekitaran. Strategi pembelajaran bahasa yang digunakan adalah berasaskan kemahiran menulis dalam meningkatkan penguasaan ilmu melalui latihan tubi menulis, latihan imlak dan imitasi. Penguasaan ilmu dan kemampuannya untuk mengajar membolehkan Abdullah digelar "Munsyi." Hasil penemuan ini telah menyumbang kepada kemengajaan Abdullah Munsyi sebagai individu berilmu dalam mempengaruhi dan membuat perubahan terhadap perkembangan kesusasteraan, bahasa dan ilmu kewartawanan dalam alam Melayu. Kata kunci: Hikayat Abdullah, Abdullah bin Abdul Kadir, Munsyi, Imlak, Imitasi.

ABSTRACT

This study aims to analyse the factors that influence the emergence of Abdullah Munsyi as a figure in language, literature and journalism. The analysis of using Social Learning Theory by Bandura, and the Language Learning Strategy Model by Oxford. This writing finds the theme of seeking knowledge through the role of his father, Abdul Kadir, and the influence of the environment. The language learning strategy used is based on writing skills in improving knowledge mastery through writing drills, dictation exercises and imitation. His mastery of knowledge and ability to teach allowed Abdullah to be nicknamed "Munsyi." The results of

this discovery have contributed to the emergence of Abdullah Munsyi as a knowledgeable individual in influencing and making changes to the development of literature, language and journalism in the Malay world.

Keywords: Hikayat Abdullah, Abdullah bin Abdul Kadir, Munsyi, Imlak, Imitation.

PENGENALAN

Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1796 – 1854) seterusnya disebut Abdullah Munsyi merupakan seorang penulis yang bergelar Bapa Sastra Melayu Moden kerana hasil-hasil karya dan penulisan menggunakan teknik atau gaya penulisan moden dan berbeza dengan penulisan dalam karya sastra Melayu lama. Gaya penulisan menyanggah bentuk penulisan tradisi dan tema penulisan terarah kepada realiti dan tidak lagi menaratifkan cerita dogeng dan khayalan.

Karya-karya yang dihasilkan oleh Abdullah Munsyi ialah *Syair Singapura Terbakar* (1830), *Da'wail Kulub* (1838), *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi Dari Singapura Ke Kelantan* (1838), *Syair Kampung Gelam Terbakar* (1847), *Hikayat Abdullah* (1849), *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Negeri Jeddah* (tidak tamat kerana meninggal pada tahun 1854 di Jeddah). Buku yang diterjemahkan ialah *Hikayat Panca Tanderan* (1838). Naskah lama yang disusun semula ialah *Sejarah Melayu* (1830), *Kitab Adat Segala Raja-Raja Melayu Dalam Sejarah Negeri* (1837).

Karya Abdullah Munsyi merupakan penulisan Melayu pertama yang dicetak. Antara karya-karya beliau yang terkenal ialah *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Kelantan* (1838) dan *Hikayat Abdullah* (1848). Karya-karya beliau adalah berlatarbelakangkan persoalan tentang masyarakat zamannya yang hidup di bumi nyata. Beliau banyak menimbulkan kontroversi melalui karya-karyanya namun sumbangannya terhadap dunia kesusasteraan Melayu cukup bererti.

Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh persekitaran dan strategi pembelajaran bahasa yang dilalui Abdullah bin Abdul Kadir dalam pembentukan dirinya sehingga digelar 'munsyi.' Kebijakan Abdullah Munsyi seterusnya bermanfaat kepada bangsanya sehingga ke hari ini. Kaedah kajian dilakukan adalah dengan menganalisis isi kandungan dalam teks *Hikayat Abdullah* yang ditulis oleh Abdullah Munsyi dan diterbitkan pada tahun 1849. Bagaimanapun dalam penulisan ini, penulis menganalisis teks *Hikayat Abdullah* yang diterbitkan oleh Pustaka Antara pada tahun 1963. Analisis pembelajaran Munsyi Abdullah dalam pembentukan dirinya adalah bersandarkan Teori Pembelajaran sosial oleh Bandura dan Model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford.

Menurut Gagne (2007), pembelajaran bermaksud satu perubahan ke atas sifat manusia atau kebolehan dikekalkan. Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku yang tetap dan berlaku kerana perubahan pengalaman atau latihan (pembelajaran) yang diperteguhkan. Sama ada sedar atau tidak, manusia sejak dilahirkan dipengaruhi persekitaran bagi pembentukan dirinya. Tingkah laku haiwan berlandaskan naluri yang diwarisi daripada genetik. Sementara manusia hidup dalam pelbagai persekitaran (Ma'rof & Haslinda, 2008). Pembelajaran melibatkan proses pengkodan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan terhadap sesuatu kejayaan (Haseena Banu, 2016; Schunk, 2012). Perbincangan di atas dirumuskan bahawa pembelajaran merangkumi proses perolehan ilmu dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap.

Abdullah Munsyi telah diiktiraf sebagai pelopor kesusasteraan Melayu moden. Gelaran tersebut diberikan kerana beliau yang memulakan penulisan corak baru yang menyimpang daripada tradisi sebelumnya. Penulisan Abdullah Munsyi tidak berkisar di

istana, tidak mengandungi mitos dan legenda, tidak terbina atas khayalan melulu dan juga telah berhenti mengagung-agungkan golongan istana dan bangsawan. Menurut Ismail Yusoff (2008) Abdullah Munsyi telah membawa perubahan dari segi bahasa kerana Abdullah Munsyi telah meninggalkan ungkapan-ungkapan yang usang dan bahasa berirama. Bagaimanapun Abdullah Munsyi masih mengekalkan bentuk-bentuk bahasa kreatif walaupun penggunaannya kurang muncul dalam teks. MD Zahril Nizam, Darwalis, Noriah dan Mohd Najib (2020) menegaskan, keterbatasan penggunaan bahasa kreatif oleh Abdullah Munsyi adalah disebabkan oleh sifat teks itu sendiri, iaitu kritikan terhadap masyarakat Melayu. Hal ini kerana Abdullah Munsyi lebih mengutamakan aspek bahasa yang jelas dan mudah untuk difahami oleh pembaca. Pada hakikatnya, bahasa merupakan suatu potensi ternurani yang dibekalkan kepada manusia oleh Tuhan (Abdul Wahab, M. K., 2019:93).

Dalam penulisan ini, teori pembelajaran sosial oleh Bandura dan dikukuhkan dengan Model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford digunakan bagi menganalisis pengaruh persekitaran dan strategi pembelajaran bahasa Abdullah Munsyi. Menurut Bandura (1977), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku pembelajaran seseorang individu. Antaranya ialah pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif. Maka penulisan ini cuba melihat pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif melalui strategi pembelajaran bahasa yang dialami oleh Abdullah sehingga digelar 'munsyi' dan dalam menterjemahkan kehidupan bangsanya dalam penulisan yang dimanfaatkan sehingga hari ini oleh pelbagai pihak.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan (content analysis). Kaedah ini dipilih kerana, pengumpulan data dan analisis data adalah bersumberkan pada kandungan teks *Hikayat Abdullah*. Kelebihan kaedah analisis kandungan ialah (a) penyelidik dapat melihat secara langsung hubungan teks dan seterusnya mengaitkan dengan permasalahan sosial, (b) memberikan pemahaman sejarah atau budaya yang bernilai melewati masa teks-teks yang dikaji, (c) memberi ruang paling dekat dan hampir pengkaji dengan teks, (d) boleh digunakan bagi menginterpretasi teks bagi tujuan perkembangan kepakaran (Palmquist, 1980; Abdul Halim Ali, 2010).

Dua prosedur pengumpulan data iaitu melalui kajian perpustakaan analisis kandungan teks. Kajian perpustakaan melibatkan buku, majalah, dokumentasi dan sebagainya. Data primer penulisan ini merupakan seluruh hasil penulisan Abdullah Munsyi dan data sekunder adalah terdiri daripada pelbagai bahan penulisan yang berkaitan dengan tajuk kajian, kamus, buku-buku berkaitan, kertas-kertas kerja, bahan-bahan daripada internet dan sebagainya. Dalam prosedur analisis data, data-data yang telah dikumpulkan diproses, diolah, diringkaskan, dikritik, dibandingkan dan diambil kesimpulan-kesimpulan yang dapat dipercayai sama ada melalui rumusan deduktif atau induktif (Allen & Earl, 1993: 440). Seluruh rangkaian analisis data ini melibatkan beberapa prosedur penganalisan data iaitu prosedur deskriptif, tematik, sejarahan, perbandingan dan kritikan bersandarkan kepada teori dan pendekatan yang dimaksudkan di atas. Data utama penulisan ini adalah novel *Hikayat Abdullah*. Data utama dalam penulisan ini merupakan kata-kata, kalimat-kalimat dalam bentuk naratif. Selain daripada itu, data juga diperoleh melalui kajian-kajian atau kritikan-kritikan tentang Abdullah Munsyi.

Pada asasnya dalam penulisan ini, analisis data dijalankan dengan memahami makna dan budaya melalui proses Epoche Patton (1990). Menurut Katz (Othman Lebar, 2009: 157), Epoche merupakan satu proses iaitu penyelidik menyedari pandangan, prasangka, bias atau andaiannya berkaitan dengan fenomena dan budaya yang dikaji. Epoche membantu penyelidik mengkaji sesuatu fenomena daripada pandangan yang baharu dan terbuka tanpa

penilaian atau memberi makna kepada sesuatu data terlalu awal. Hal ini membolehkan penulis menilai dan mentafsir data kajian tanpa bias dan tanggapan awal. Pada asasnya dalam analisis penulisan ini penulis cuba untuk memahami sistem makna dan budaya *insiders* (data kajian atau teks kajian). Perspektif penyelidik merupakan satu paradoks, cuba untuk memahami pengalaman pengarang teks yang dikaji iaitu Abdullah Munsyi dan sistem makna orang lain.


Bagi teknik analisis data kualitatif, sebagaimana yang dikemukakan oleh Patton (1990), pada dasarnya bersifat induktif; kategori, pola dan tema muncul dari data, bukan dikenakan pada data sebelum pengumpulan dan analisis data. Berdasarkan perbincangan di atas dalam proses menganalisis data, terdapat beberapa pendekatan atau tradisi teoritikal yang boleh dipilih dalam menganalisis data yang sesuai dengan tujuan kajian.

Kerangka konseptual kajian ini diadaptasi dari Teori Kognitif Sosial (Social Cognitive Theory - SCT) (Lent & Brown, 2008; Lent, Brown, & Hackett, 2002) dan dikukuhkan dengan Model Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) Oxford. Menurut SCT, pencapaian individu dalam pengetahuan dipengaruhi oleh faktor efikasi sendiri, pencapaian dalam submatlamat, keadaan persekitaran, sokongan yang diterima, dan faktor individu dari segi trait afektif atau personaliti.

Strategi pembelajaran merujuk kepada proses kognitif individu ketika melakukan aktiviti semasa belajar bahasa (Roslan Chin, 2016). Mohamed Amin (2000), berpendapat istilah strategi SPB merujuk kepada tiga ciri yang berbeza iaitu; (a) strategi pembelajaran merujuk kepada tabiat pembelajaran bahasa seseorang individu semasa proses belajar sesuatu bahasa, (b) strategi pembelajaran merujuk kepada pengetahuan yang diperoleh oleh individu ketika diminta mengingat semula aspek yang dipelajari, (c) strategi pembelajaran merujuk kepada pengetahuan am seseorang individu yang mempengaruhi pemilihan strategi bahasa. Merujuk pandangan di atas, dirumuskan strategi pembelajaran bahasa adalah merujuk strategi pembelajaran sebagai proses pembelajaran. Model SPB Oxford (1990) menyenaraikan sembilan ciri SPB yang boleh membantu meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa individu iaitu: (a) meningkatkan kecekapan berkomunikasi, (b) menggalakkan pembelajaran sendiri, (c) melibatkan penyelesaian masalah, (d) meningkatkan pembelajaran dengan aksi-aksi yang lebih khusus, (e) melibatkan proses di luar kognitif, (f) menyumbang ke arah pembelajaran secara langsung dan tidak langsung, (g) melibatkan kepelbagaian, (h) menguasai aksi sedar dan tidak sedar, dan (i) menggalakkan kelenturan (Oxford, 1990: Roslan Chin, 2016).

Bagi faktor individu, aspek efikasi sendiri yang sering digunakan dalam kajian SCT (Lent, Brown, & Hackett, 1994; Bandura, 1986). Pemboleh ubah seterusnya iaitu keadaan persekitaran, merujuk kepada faktor persekitaran Abdullah Munsyi. Menurut Teori Lapangan, interaksi di antara individu dan persekitaran adalah penentu kepada tingkah laku manusia. Penerimaan Abdullah terhadap persekitaran menjadi dorongan kepada beliau dalam perkembangan dirinya. Kajian berkaitan persekitaran pembelajaran dalam mempengaruhi pembacaan menunjukkan terdapat hubungan di antara persepsi individu terhadap bahan yang dibaca (Dorman, 2002; Fisher & Fraser, 1991; Goh & Fraser, 1998; Wubbels, Levy, & Brekelmans, 1997). Sehubungan dengan itu, kajian ini melihat aspek persekitaran dan strategi pembelajaran bahasa berasaskan kemahiran menulis mempengaruhi kemampuan dan kemenjadian Abdullah sebagai “munsyi.”

Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian Kemenjadian
Abdullah bin Abdul Kadir sebagai Munsyi.



PERSEKITARAN

Cetusan ilmu itu bermulanya daripada sepucuk surat di dalam peti simpanan bapanya Abdullah Munsyi iaitu Abdul Kadir. Surat tersebut diserahkan kepada Tuan Thomsen untuk membacanya. Hal ini kerana Abdullah Munsyi tidak memahami langsung tulisan surat tersebut dalam bahasa Inggeris. Menurut Tuan Thomsen:

“Surat ini namanya dalam bahasa Inggeris *character*, diberi oleh Tuan Marsden kepada encik punya bapa; bahawa tuan itulah yang mengarang kitab loghat Melayu dan bahasa Inggeris; maka ia belajar kepada encik punya bapa, lamanya setahun lapan bulan dalam Negeri Melaka adanya.”

(Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 3-4)

Abdul Kadir digambarkan sebagai seorang ahli perniagaan di samping mengajar ilmu agama dan menjadi khatib. Menguasai “bahasa Hindu iaitu bahasa Keling ... istimewa dalam bahasa Melayu; daripada tulis menulis dan mengarang, dan membuat surat kiriman kepada Raja-Raja Melayu” (Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 3). Demikianlah pekerjaannya termasuklah juga mengajar bahasa Melayu kepada Tuan Marsden.

Ketinggian ilmu yang dimiliki Abdul Kadir di samping kemahiran dalam penguasaan bahasa dan kemahiran menulis melayakkan beliau menjawat jawatan syahbandar. Abdullah menggambarkan bapanya seperti “seekor tikus yang jatuh ke dalam gedung beras, ... duduk dengan kesenangannya; berteriak di kiri, di kanan menyahut. ... jikalau ringgit ini, seperti air basuh tangan adanya” (Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 4).

Selain daripada itu, digambarkan oleh Abdullah Munsyi, bapanya menjadi utusan bagi Raja Melaka ke negeri-negeri Melayu seperti Lingga, Riau, Pahang, Terengganu, Kelantan, Palembang hinggalah ke pulau Jawa. Sebagai utusan, sudah semestinya Abdul Kadir mempunyai hubungan baik dengan raja-raja Melayu pada ketika itu. Berkaitan dengan hal keilmuan, Abdul Kadir ditugaskan dengan membawa surat dari raja Melaka iaitu Timmerman

Tijssen ke raja-raja Melayu untuk mendapatkan kitab-kitab bahasa Melayu. Selain daripada itu, Abdul Kadir ditugaskan sebagai juru bahasa dan juru tulis Bahasa Melayu di Riau, Indonesia. Demikianlah halnya tentang keilmuan dan pekerjaan bapanya Abdul Kadir yang tidak dapat dinafikan dalam mempengaruhi Abdullah Munsyi dalam menuntut ilmu dan kesedaran akan kepentingan ilmu.

Pada masa kini, orang yang tidak mempunyai ilmu, ketinggalan dan mengalami kesukaran dalam kehidupan. Untuk memperoleh serta mendalami ilmu, individu perlu berusaha gigih kerana ilmu tidak datang sendiri. Bak kata peribahasa, “yang bulat tidak datang menggolek dan yang pipih tidak datang melayang.” Kata Abdullah Munsyi;

“... dari sebab ilmu itu, dengan beberapa susah akan dapat itu, seperti aur ditarik sonsang adanya. Kurus-kurus dengan tubuh, cengkung-cengkung dengan muka, sebab menaruh fikiran, dan susah hati sebab belum mendapat, dan sebab malu nanti kena marah. Adapun sebab itulah bagaimana kubeli mahal, demikianlah hendak kujual pun mahal.”

(Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 29)

Untuk memperoleh ilmu, Abdullah Munsyi terpaksa mengorbankan masa kanak-kanaknya yakni tidak dapat berliburan atau bermain bersama kanak-kanak seusianya. Keperitan mendapat ilmu digambarkan Munsyi Abdullah dengan keperitan fizikal selain mengerah fikirannya. Peri susahnyanya untuk memperolehi dan menguasai sesuatu ilmu, maka nilainya sangat tinggi berbanding ilmu yang “kudapati sepanjang jalan dan kutiru-tiru dan kudengar-dengar sahaja, jangan hendak dibeli orang, jikalau diminta kuberi cuma-cuma” (Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 29).

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA BERASASKAN KEMAHIRAN MENULIS

Menulis merupakan perlakuan menggunakan sebarang alat tulis bagi menulis sebarang atau menaip sama ada idea atau pernyataan. Dengan lain perkataan, menulis merupakan suatu medium yang membolehkan seseorang individu mengekspresi buah fikiran, menzahirkan perasaan dan menceritakan sesuatu peristiwa melalui amalan berfikir, menaakul, menyusun dan mengolah idea untuk dilahirkan dalam bentuk wacana lengkap (Norfazirah Zakaria, Abd Rauf Hassan & Nik Farhan Mustapha, Mohd Sukki Othman, 2019). Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran komunikasi non-verbal dan mempunyai perkaitan yang sangat erat dengan kemahiran-kemahiran yang lain (Nazzil Saifuddin, 2013).

Kata “menulis” yang dimaksudkan ialah kegiatan simbol-simbol grafik yang disusun atur berdasarkan pertuturan yang membentuk perkataan dan seterusnya disusun menjadi ayat. Dalam proses pembelajaran, kemahiran menulis sangat penting bagi setiap individu. Tulisan bertindak sebagai alat bagi menurunkan segala ilmu dan pemikiran. Persoalannya, jika tidak mampu menulis, bagaimana boleh seseorang individu itu hendak menyatakan buah fikirannya? Dalam penulisan ini, Abdullah Munsyi diajarkan oleh bapanya untuk belajar menulis dan akhirnya dapat menyalin al-Quran dan kitab-kitab dengan sempurna. Seterusnya dengan penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu membolehkannya mengajar orang lain pada usia yang masih muda. Gelaran ‘Munsyi’ diberikan kepada Abdullah kerana kesediaannya menjadi guru kepada rakyat India yang disebut *Supai* ketika di Melaka. Dalam Hikayat Abdullah, dinyatakan bahawa guru kepada Abdullah Munsyi adalah bapanya sendiri. Berikut adalah beberapa huraian berkaitan strategi pembelajaran bahasa

yang digunakan oleh Abdullah Munsyi dalam menuntut ilmu khususnya dalam penguasaan kemahiran menulis.

Latih Tubi Menulis

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar diajarkan dan dikuasai individu (Nik Safiah, 2004). Penulisan melibatkan tahap literasi yang paling kompleks dan memerlukan proses kognisi yang tinggi (Roselan, 2003). Sebagai permulaan bagi kemahiran menulis ialah latih tubi menulis. Latih tubi menulis bertujuan untuk membentuk tulisan yang betul dan cantik, pengekal penulisan, pemahaman kosa kata dan sebagainya. Berikut adalah contoh latih tubi oleh Munsyi Abdullah dalam pembelajaran penguasaan kemahiran menulis:

... maka kepada suatu hari diberi perintah oleh bapaku, katanya, “Ambillah sekeping kertas dan satu tempat dakwat dan kalam, pada tiap-tiap hari pergi duduk di masjid, barang siapa masuk keluar dalam masjid itu tulis namanya, maka petang-petang tunjukkan padaku.”

(Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 28).

Susulan dengan arahan oleh bapanya Abdul Kadir tentang menulis para jemaah yang masuk keluar masjid, Abdullah Munsyi hairan akan arahan bapanya. Lalu mempertanyakan hal tersebut kepada ibunya tentang hal menulis nama tersebut. “Apa pula gunanya menulis nama-nama orang cuma-cuma.” Ibunya menjawab “... turutlah, sebab adalah sesuatu kebajikan disuruhnya. ... bukankah baik belajar daripada pergi dengan tiada berfaedah?” Menangislah Abdullah Munsyi kerana setiap hari belajar dan tiada dapat beliau bermain seperti kanak-kanak lain. Latihan menulis tersebut disemak oleh bapanya. Jika salah hurufnya atau perkataannya didenda dengan digantungkan perkataan yang silap dileher. Selama tempoh sebulan, maka baharulah tiada kesilapan dilakukan.

Latihan Imlak

Bagi meningkatkan kemahiran penguasaan kemahiran menulis perkataan dan ayat, Abdullah Munsyi diberi latihan imlak oleh bapanya. Imlak atau *dictator* ialah perbuatan menyebut perkataan atau ayat supaya ditulis oleh orang lain atau sesuatu yang dikatakan atau dibaca ditulis oleh orang lain. Menurut Roslan (2016) latihan imlak merupakan latihan bertulis iaitu pelajar perlu menyalin dengan tepat sesuatu yang telah dibaca oleh guru. Menulis imlak terdiri daripada menulis perkataan dan juga menulis frasa. Latihan imlak bertujuan untuk mendapatkan ejaan betul dan tulisan yang cantik serta kemas.

Abdullah Munsyi diberikan latihan imlak adalah dengan tujuan memahirkannya dengan kecekapan menulis bagi menguasai ejaan, perbendaharaan kata, frasa, ayat dan juga petikan. Latihan menulis imlak dilaksanakan terhadap Munsyi Abdullah seperti petikan berikut:

... suatu pagi, kata bapaku sendiri, “pergi ambil dakwat dan kalam dan sekeping kertas, bawa ke mari.” ... “tulislah engkau apa-apa yang kukata.” ... maka kira-kira dua jam lamanya ku tulis itu, maka dimintanya surat itu, dilihatnya serta dengan masam mukanya, seraya katanya, “ini hari aku maafkan, jikalau esok engkau tulis lagi salah-salah begini, salah satu sebat engkau kena rotan.” Maka dibubuhkannya tanda-tanda yang mana ada salah, atau yang

bertukar-tukar hurufnya, dan yang mana bersalahan rangkai hurufnya, dan tempat-tempat perhentianya. Setelah sudah, maka katanya, “sehari-hari begini engkau datang menulis ke mari.” ... esoknya demikianlah, perkataan yang kalmarin itu tiadalah dikatanya lagi. Lain pula perkataannya yang tiada-tiada pernah ku dengar, dan bahasa-bahasa dalam semuanya, serta mana-mana yang pelik-pelik itulah disuruh tulis.

(Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 28).

Munsyi Abdullah diberi latihan imlak setiap hari selama dua jam dalam tempoh dua bulan. Berlaku perkembangan dalam pembelajaran imlak dengan perubahan perkataan, frasa dan ayat pada setiap sesi latihan. Setiap latihan imlaknya disemak agar tidak berulang kesalahan tanda baca, huruf, perkataan, frasa mahupun ayat. Sehingga dalam tempoh dua bulan tiadalah lagi dilakukan sebarang kesalahan menulis dilakukan oleh Abdullah Munsyi.

Lanjutan daripada kebolehannya dalam menguasai kemahiran menulis imlak, Abdullah Munsyi diberi pembelajaran baharu iaitu belajar erti perkataan dan penggunaannya dalam ayat. “Maka kemudian daripada itu, aku belajarkanlah pula erti-erti perkataan dan bagaimana memakai perkataan-perkataan itu. Maka jikalau ditaruh ditempat ini, jadi lain ertinya, dan ditempat itu lain ertinya.”

Imitasi

Imitasi adalah perkataan Indonesia Belanda yang bermaksud tiruan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Menurut Abdullah dan Aion (Tesaurus Melayu Moden Utusan 1994) perkataan imitasi membawa makna tiruan, ciplakan dan salinan. Menurut Kamus Al-Mawrid (2005), perkataan imitasi dalam bahasa Arab disebut *Muhākāt*, *Taqlīd*, atau *Tazyīf*. Berdasarkan pengertian tersebut, dirumuskan bahawa imitasi ialah satu pembelajaran dalam kemahiran menulis dan melibatkan hubungan kognitif. Dalam konteks penulisan ini, imitasi berlaku pada masa Abdullah Munsyi diarahkan oleh bapanya untuk menyalin al-Quran dan kitab-kitab.

... suatu hari kata bapaku, “sekarang jangan engkau berjalan kemana-mana cuma-cuma. Ada aku belikan kertas, duduklah engkau menulis Quran di rumah. ... adalah kira-kira enam tujuh bulan duduk dengan demikian, yang mana salah dibetulkan ditunjukkannya. Maka bolehlah sudah aku menulis Quran atau kitab dengan betulnya.”

(Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 29-30).

GELARAN MUNSYI

Bagaimana gelaran ‘munsyi’ diberikan kepada Abdullah? Segalanya bermula apabila rakyat Inggeris bergelar *Supai* iaitu orang Benggala dan orang Hindustan. Satu pertiga adalah orang Islam. Orang Supai ini mengupah bapa Abdullah Munsyi menulis atau menyalin Al-Quran. Lalu “akupun menulis bersama-sama. Maka banyaklah aku beroleh upah; sebab itu menjadi sukacitalah aku sebab mendapat wang itu. Makin bertambah-tambahlah rajinku menulis itu, tidak berhenti malam siang” (Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 30). Selanjutnya, Abdullah Munsyi berusaha mempelajari bahasa Hindustan dan tinggal dengan bapa saudaranya. Pada kesempatan tersebut beliau beroleh upah yang banyak dalam menyalin al-

Quran untuk dibeli oleh orang Supai. Selama tiga hingga empat tahun bergaul dengan orang Supai, Abdullah Munsyi boleh berbahasa Hindustan. Dalam tempoh tersebut juga orang Supai belajar dan berguru dengan Abdullah Munsyi hal-hal agama, bahasa dan sebagainya. Sejajar dengan faktor kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu telah memberikan sumbangan yang amat besar terhadap perkembangan intelektualisme dalam kalangan orang Melayu (Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H., 2020:17). Maka orang-orang Supai menggelar dirinya “Munsyi” yang ertinya “guru atau pengajar dalam bahasa-bahasa.” Maka daripada masa itu lekatlah gelaran itu sampai sekarang ini” (Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 31-32).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, penulisan ini menemukan tema penguasaan ilmu dan bahasa adalah melalui pengaruh persekitaran iaitu peranan ibu dan bapa Abdullah Munsyi. Manakala penguasaan bahasa pula adalah melalui strategi pembelajaran bahasa berasaskan kemahiran menulis. Didapati Abdullah Munsyi menguasai kemahiran menulis melalui latihan tubi, latihan imlak dan pendekatan imitasi dalam membuat penyalinan al-Quran dan kitab-kitab. Hasil penemuan ini telah menyumbang kepada kemenjadian Abdullah Munsyi sebagai individu berilmu dalam membuat perubahan terhadap perkembangan kesusasteraan, bahasa dan kewartawanan di alam Melayu. Penguasaan ilmu bahasa telah membolehkan Abdullah Munsyi mampu menjadi seorang guru atau pengajar sehingga beliau digelar “munsyi.”

Dalam menuntut ilmu, ikut resmi padi, “semakin tunduk, semakin berisi.” Semakin berilmu semakin merendahkan diri (tidak sombong). Abdullah Munsyi dalam tempoh menuntut ilmu, pelbagai kata nista dan makian sentiasa keluar daripada lisan bapanya Abdul Kadir. Tiada pujiannya daripadanya. Hasil tulisannya baik dalam bahasa Arab mahupun bahasa Melayu, dilihat orang semuanya memujinya. Tetapi bapanya, “mengeji-ngeji aku dengan tiada berkeputusan. Katanya, lihat rupa tulisanmu, seperti cakar ayam, membuang-buang kertas, budak kecil pun boleh menulis demikian” (Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 29). Setelah Munsyi Abdullah menguasai dan mahir dalam penulisan bahasa Arab dan bahasa Melayu, beliau pun sedar bahawa apa kata nista dari lisan bapanya, “akal bapaku itu tiada mahu memuji kebajikanku atau tulisanku sebab ia takut aku menjadi besar hatiku, serta congkak oleh sebab kepandaian dan ilmu itu” (Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1963: 29). Setelah dewasa, Abdullah Munsyi membenarkan kata-kata ibunya, bahawa “menuntut ilmu rasanya lebih pahit daripada hempedu, kemudian kelak engkau akan tahu ilmu terlebih manis daripada madu. Jika banyak harta ditinggalkan kepadamu ia akan lenyap daripada matamu. Tetapi ilmu akan berpisah apabila bercerai nyawa daripada jasadmu. Kelak engkau akan memuji kebajikan daripada orang tuamu.”

Penghargaan: Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (304/PJJAUH/6315387).

RUJUKAN

- Abdullah Abdul Kadir Munsyi. (1963). *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka antara.
- Abdul Halim Ali (2010) `Konsep Estetika Bersepadu: Terapan dan Analisis terhadap Karya-karya Puisi Ahmad Kamal Abdullah` *Tesis ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Abdul Wahab, M. K. (2019). Pembinaan Kandungan Model Prototaip Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa: Kesepakatan Pakar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 86 - 124. Retrieved From <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/29>
- Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/125>
- Gagne, F. (2007). Ten Commandments for Academic Talent Development. *Gifted Child Quarterly*. 51, 93 -118.
- Haseena Banu Abdul Kalam. (2016). Pengaruh Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Disiplin Murid Sekolah Rendah Di Klang, Selangor, Malaysia. Universiti Putra Malaysia. *Disertasi*.
- Lent, R., & Brown, S. (2008). Social cognitive career theory and subjective well-being in the context of work. *Journal of Career Assessment*, 16, 1, 6-21.
- Lent, R.; Brown, S.; Hackett, G. (2002). *Social cognitive career theory*. In D. Brown & Associates (Eds.), *Career Choice and Development*. Fourth Edition (pp. 255-311). Jossey-Bass.
- Ma'rof Redzuan. (2001). *Psikologi Sosial*. Serdang, Selangor. Universiti Putra Malaysia.
- Zahril Nizam Md Yusoff, Darwalis Sazan , Noriah Mohamed dan Mohd Najib Abdul Rahim. (2020). Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu*. Bil. 19(1).
- Mohamed Amin Embi. (2000). *Language learning strategies: a malaysian context*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Thani Ahmad, Sarah Sadon, Suhaimi Hj. Muhammad. (1988). *Wajah: Biografi Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazzil Saifuddin Abd. Rahim. (2013). Kemahiran Menulis Ayat Mudah Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama ABIM Kajang, Malaysia. *Disertasi Sarjana*, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu Sedekad Yang Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Norfazirah Zakaria, Abd Rauf Hassan & Nik Farhan Mustapha. (2019). Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Melalui Penggunaan Imitasi. *Jurnal Linguistik*. Vol.23 (2) Dis. ISSN 1823-9242.
- Oxford, R. (1990) *Language laerning strategies: what every teacher should know*. New York: Newbury House Publishers.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3r ed). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu: Senario, teori dan panduan untuk guru dan murid*. Kuala Lumpur: Karisma Publications.
- Roslan Chin. (2016). Amalan Pengajaran Guru, Masalah Penguasaan Kemahiran Bahasa Dan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas. Universiti Utara Malaysia. *Tesis PhD*.
- Schunk, D.H. (2012). *Learning Theories: An Educational Perspective*. Pearson.